

TARIKH : 2 JUN 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 37

### PETRONAS dijangka sedia perbelanjaan modal besar

# PETRONAS dijangka sedia perbelanjaan modal besar

Syarikat petroleum raih untung suku pertama RM23.4 bilion

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

PETRONAS dijangka menyediakan perbelanjaan modal lebih besar berikutan terdapat isyarat peningkatan aktiviti minyak dan gas (O&G) bagi tempoh beberapa suku tahun kewangan yang akan datang.

Penganalisis RHB Investment Bank, Sean Lim, berkata perbelanjaan modal yang berpotensi melepas dari sebelum pandemik itu membolehkan perkhidmatan huluan, termasuk penggerudian dan berkaitan penyelenggaraan bakal mendapat manfaat.

"PETRONAS menjelaskan aktiviti O&G akan meningkat dengan potensi perbelanjaan modal yang lebih besar, termasuk pada peringkat domestik berikutan peningkatan aktiviti dengan kadar caj perkhidmatan yang lebih baik," katanya dalam nota satu penyelidikan.

PETRONAS mengumumkan

keuntungan selepas cukai sebanyak RM23.4 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2022 seiring dengan pendapatannya yang lebih tinggi.

Syarikat petroleum nasional itu meraih pendapatan RM78.8 bilion, terutama disumbangkan oleh kesan harga untuk produk utama sejajar dengan harga petrona aras yang lebih tinggi.

Jika dikecualikan masuk kira semula susut nilai, kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai RM23.7 bilion.

Jumlah asetnya meningkat kepada RM652.3 bilion pada 31 Mac 2022 berbanding RM635 bilion pada 31 Disember 2021, terutama disumbangkan oleh pelaburan tunai dan dana lebih tinggi.

Mengulas lanjut, Lim berkata, perbelanjaan modal PETRONAS pada suku pertama 2022 kembali ke paras sebelum COVID-19 apabila menokok 12 peratus tahun ke tahun kepada RM7.4 bilion dengan segmen huluan menjadi penyumbang terbesar sebanyak 58 peratus, disusuli segmen hiliran (17 peratus) dan segmen gas (14 peratus).

Katanya, perbelanjaan modal keseluruhan pada suku dikaji adalah 15 hingga 19 peratus daripada anggaran RM40 bilion hingga RM50 bilion tahun ini, sekali gus menyamai paras yang dicatatkan pada 2019.

"Kami jangkakan perbelanjaan modal akan meningkat pada

beberapa suku seterusnya, terutama pada separuh kedua tahun ini. Perbelanjaan modal domestik bertambah 30 peratus tahun ke tahun bagi mengukuhkan sistem perkhidmatan dan peralatan minyak & gas (OGSE) dan aktiviti mungkin bertambah pada suku tahun yang akan datang.

"Dalam pada itu, kapasiti tenaga boleh diperbaharui yang digunakan dalam operasi dan sedang dibangunkan oleh PETRONAS melepas 1GW, lantas meletakkannya dalam landasan untuk mencapai sasaran 3GW menjelang 2024," katanya.

Beliau menambah, harga minyak mentah kekal tinggi dengan keyakinan bahawa OPEC+ mungkin mengekalkan langkah peningkatan pengeluaran.

"Unjur harga minyak mentah bagi tahun ini dan 2023 kekal berada pada AS\$85 hingga AS\$104 satu tong, namun kami meramalkan adanya potensi kejayaan susulan sekatan Kesatuan Eropah (EU) terhadap Russia," katanya.

Sementara itu, Kenanga Research dalam nota penyelidikannya berkata, peningkatan perbelanjaan modal PETRONAS pada suku pertama 2022 adalah satu petanda positif.

"Kami percaya lebih banyak perbelanjaan modal akan diperuntukkan pada suku tahun akan datang bagi memenuhi

jangkaan setahun penuh sekurang-kurangnya RM40 bilion hingga RM50 bilion.

"Pertambahan perbelanjaan PETRONAS ini disokong keduakan tunai bersih kumpulan sebanyak RM91 bilion yang melonjak 35 peratus suku ke suku dan 65 peratus tahun ke tahun," katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, komitmen dividen PETRONAS kekal tidak berubah pada RM25 bilion pada tahun ini meskipun jangkaan keuntungan lebih baik, sekali gus menunjukkan usaha kumpulan terus melabur pada masa akan datang.

"Tahap aktiviti meningkat beransur-ansur pada suku tahun akan datang. Dengan jangkaan peningkatan perbelanjaan modal PETRONAS pada masa hadapan, tahap aktiviti tempatan juga dijangka menyaksikan sekiti pemulihan," katanya.

